


PROSEDUR KERJA BAGI PROSES PERMOHONAN MENARA TELEKOMUNIKASI BARU KE PIHAK BERKUASA TEMPATAN

MAKLUMAN PROSES MENGIKUT NOMBOR

- 1) PROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN DI DIGITAL PERAK
- 2) PROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1

Proses Peringkat Digital Perak
5 Hari Waktu Bekerja
(Maksimum 21 Hari Waktu Bekerja)



- A)
i) Pihak *Deployment Partner* atau *Network Facilities Provider* mestilah mengemukakan dokumen permohonan pembinaan menara telekomunikasi yang lengkap mengikut senarai semak Pihak Berkuasa Tempatan. Dokumen permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima atau diproses.
- ii) Pihak *Deployment Partner* atau *Network Facilities Provider* mestilah melampirkan Borang Permohonan APIT serta fi permohonan baru APIT RM 4,500.00 bersama-sama dokumen permohonan pembinaan menara telekomunikasi ke Pihak Berkuasa Tempatan
- iii) Pihak *Deployment Partner* atau *Network Facilities Provider* mestilah membuat temujanji terlebih dahulu dengan Unit Agensi Penyelaras Infrastruktur Telekomunikasi (APIT) untuk penghantaran dokumen permohonan pembinaan menara telekomunikasi
- iv) Permohonan pembinaan menara telekomunikasi yang melibatkan tanah berstatus pertanian, mestilah membuat permohonan Permit Khas Tanah Pertanian di Pejabat Tanah & Galian Negeri Perak serentak dengan permohonan pembinaan menara telekomunikasi di Pihak Berkuasa Tempatan.
- v) Permohonan pembinaan menara telekomunikasi yang melibatkan tanah kerajaan negeri mestilah membuat permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) di Pejabat Tanah & Galian Negeri Perak
- B) Pihak Digital Perak akan mengemukakan kepada *Deployment Partner* atau *Network Facilities Provider* Borang Ketidakpatuhan Dokumen jika dokumen permohonan yang dilampirkan adalah tidak lengkap mengikut format atau keperluan senarai semak.
- C) Pihak Digital Perak akan mengemukakan kepada *Deployment Partner* atau *Network Facilities Provider* Borang Lengkap Penghantaran Dokumen jika dokumen permohonan yang dilampirkan adalah lengkap mengikut keperluan senarai semak.

2

Proses Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan
(Maksimum 99 Hari Waktu Bekerja)

